Tinjauan Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan global dijangka kekal sederhana pada separuh kedua tahun 2026

Ekonomi Global:

- Pertumbuhan global pada separuh kedua tahun 2026 diunjurkan kekal sederhana, dipengaruhi oleh ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
- Pada masa hadapan, keredaan konflik yang berterusan dijangka melonggarkan kekangan bekalan dan mengurangkan tekanan terhadap harga komoditi.
- Pertumbuhan juga akan terus didorong oleh pelaburan yang kukuh dalam teknologi dan pendigitalan serta sokongan dasar fiskal.

Perdagangan Global:

- Pertumbuhan perdagangan global diunjurkan semakin perlahan, sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang tinggi pada tahun 2025 disebabkan oleh penghantaran yang dipercepat (*frontloaded shipments*) serta permintaan berkaitan AI yang kukuh.
- Pemulihan keadaan rantaian bekalan berikutan keredaan berterusan konflik di Timur Tengah dijangka berlaku secara beransur-ansur, mengekalkan pertumbuhan perdagangan global di bawah purata yang pernah dicatatkan.
- Kelembapan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh permintaan berterusan terhadap produk E&E, khususnya komponen berkaitan AI, bersama-sama dengan pendorong struktur seperti peningkatan pendigitalan.

Imbangan risiko pertumbuhan global kekal cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan

- **Imbangan risiko kekal cenderung untuk pertumbuhan menjadi lebih perlahan,** mencerminkan terutamanya ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** juga mungkin berpunca daripada keadaan kewangan global yang lebih ketat, tarif yang lebih tinggi serta kebimbangan yang berterusan terhadap penilaian yang tinggi dalam pasaran kewangan.
- **Risiko pertumbuhan menjadi pesat** berpunca daripada pemulihan keadaan rantaian bekalan yang lebih cepat daripada jangkaan, perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh serta langkah-langkah dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Permintaan dalam negeri yang mampan dan eksport yang lebih kukuh akan terus menyokong pertumbuhan

- Unjuran pertumbuhan bagi tahun 2026 dijangka berkembang dalam julat 4% hingga 5%, dengan perkembangan terkini mennunjukkan kemungkinan pertumbuhan keseluruhan sekitar 5%, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang berterusan dan eksport yang kukuh.
- Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil dan sokongan dasar yang berterusan.
- Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan, lebih banyak pelaburan yang diluluskan terus direalisasikan, serta pelaksanaan berterusan pelan induk nasional.
- Pertumbuhan eksport akan disokong oleh permintaan yang teguh terhadap produk E&E, pemulihan eksport bukan E&E serta perbelanjaan pelancong dan eksport perkhidmatan ICT yang mampan.


Asas-asas ekonomi yang kukuh terus menyokong daya tahan ekonomi dalam menghadapi kejutan luaran

- **Ekonomi dalam negeri terus disokong oleh asas-asas yang berdaya tahan** meskipun prospek tersebut tertakluk pada ketidakpastian yang berpunca terutamanya daripada perkembangan global yang ketara.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan** termasuk konflik Timur Tengah yang berlarutan, potensi kelembapan ekonomi di negara rakan dagangan utama, peningkatan kos sara hidup serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi pesat** mungkin timbul daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan yang lebih kukuh terhadap barangan E&E serta peningkatan aktiviti pelancongan ke dalam negeri.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil serta langkah dasar yang berterusan

Upah agregat nominal[7] dan guna tenaga
Perubahan tahunan, %




- **Penggunaan swasta dijangka terus berkembang,** disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan serta langkah-langkah dasar yang sedang dilaksanakan.
- Pertumbuhan pendapatan akan disokong oleh pertumbuhan upah yang positif dalam sektor swasta serta langkah dasar berkaitan pendapatan termasuk Fasa 2 Semakan Gaji Perkhidmatan Awam (Civil Servant Salary Revision, CSSR) yang berkuat kuasa pada bulan Januari 2026.
- Selain itu, pindahan wang tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan menyokong perbelanjaan isi rumah.
- Subsidi BUDI95 juga akan membantu mengehadkan tekanan daripada harga minyak yang lebih tinggi terhadap perbelanjaan isi rumah.

[7]Merujuk upah sektor swasta dan awam. Gaji sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Gaji sektor awam pula merujuk gaji yang dibayar kepada penjawat awam.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan, disokong oleh pelaburan asing dan projek baharu yang berterusan

Jumlah Kelulusan Pelaburan oleh MIDA Mengikut Pelaburan Asing dan Dalam Negeri
RM bilion




- **Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan** dengan kelulusan pelaburan yang terus mampan berjumlah RM92.8 bilion pada suku pertama tahun 2026, berbanding RM93 bilion pada suku pertama tahun 2025, yang didorong terutamanya oleh pelaburan asing yang berterusan. Yang ketara, sebanyak 85% daripada projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 2021 hingga bulan Februari 2026 sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.
- Projek-projek baharu terus tertumpu dalam subsektor berteknologi tinggi seperti ICT, E&E dan produk kimia. Dalam subsektor ICT, pelaburan pusat data dan pengkomputeran awan kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 88.9% daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam subsektor tersebut.
- Sementara itu, industri E&E dan produk kimia kekal menjadi pemacu utama dalam sektor perkilangan dengan mencakupi 40.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Sumber: MIDA

Keadaan Permintaan Luaran

Pertumbuhan eksport akan disokong oleh permintaan yang mampan terhadap eksport E&E dan bukan E&E

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan




- **Daya tahan eksport E&E** terus didorong oleh peningkatan pelaburan dalam aktiviti berkaitan AI dan peningkatan kitaran teknologi global yang menyokong pertumbuhan eksport Malaysia dalam persekitaran ketidakpastian geopolitik yang tinggi.
- Eksport berkaitan komoditi dan eksport perkilangan bukan E&E dijangka kekal menyokong pertumbuhan eksport, sebahagiannya disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi.
- Permintaan global yang berterusan terhadap barangan E&E dan komoditi utama dijangka menyokong prestasi eksport meskipun ketidakpastian ekonomi dan geopolitik masih berterusan. Walau bagaimanapun, prospek tersebut kekal tertakluk pada risiko yang berpunca daripada ketidaktentuan harga komoditi dan potensi cabaran pengeluaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kepelbagaian asas eksport perkhidmatan terus menyokong daya tahan dalam keadaan luaran yang tidak menentu

Pertumbuhan pendapatan perkhidmatan[8]
Perubahan tahunan dan sumbangan kepada pertumbuhan, % dan mata peratusan



- **Pendapatan perjalanan dijangka mendapat sokongan daripada ketibaan pelancong serantau.** Walau bagaimanapun, ketegangan geopolitik di Timur Tengah terus menimbulkan risiko kepada aktiviti perjalanan global melalui gangguan terhadap laluan penerbangan utama dan kos perjalanan yang lebih tinggi.
- Pendapatan perkhidmatan akan disokong oleh **permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan berkaitan pusat data** serta pengembangan yang stabil dalam perkhidmatan berkaitan perkilangan.

[8] Berkaitan pelancongan merangkumi perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan. Perkhidmatan **perkilangan** termasuk perkhidmatan berhubung dengan input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain serta perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan. Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan peribadi, kebudayaan, rekreasi, insurans dan kewangan,

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka kekal sederhana pada tahun 2026

- Selaras dengan jangkaan terdahulu, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 1.5% hingga 2.5% pada tahun 2026. Perkembangan inflasi terkini serta penunjuk berfrekuensi tinggi sehingga awal Ogos terus menunjukkan bahawa tekanan inflasi dalam negeri kekal sederhana.
- Ketegangan geopolitik yang mereda pada bulan Jun telah menyumbang kepada keadaan bekalan global yang bertambah baik dan mengurangkan tekanan terhadap harga komoditi utama. Walau bagaimanapun, perkembangan berhubung dengan konflik di Timur Tengah kekal cepat berubah, dengan harga komoditi masih tinggi berbanding dengan paras sebelum konflik.
- Pada masa hadapan, tekanan kos luaran dijangka memberikan sedikit tekanan menaik terhadap inflasi. Walau bagaimanapun, kesan terhadap inflasi keseluruhan dan inflasi teras pada tahun 2026 dijangka kekal terkawal berikutan langkah-langkah dasar dalam negeri seperti subsidi bahan api bersasar. Langkah-langkah dasar tersebut serta keadaan permintaan yang stabil dijangka mengurangkan pindahan kos luaran yang lebih tinggi kepada harga dalam negeri.

Prospek inflasi terus bergantung pada perkembangan global yang berubah-ubah

- Imbangan risiko terhadap prospek inflasi kekal cenderung ke arah peningkatan, bergantung pada perkembangan berhubung dengan konflik di Timur Tengah.
    - **Risiko inflasi yang lebih tinggi** boleh berpunca daripada konflik yang semakin meruncing sehingga menyebabkan harga komoditi global kekal tinggi. Gangguan bekalan yang lebih meluas, termasuk akibat keadaan cuaca buruk, juga boleh menyebabkan tekanan kos input yang lebih besar dan berterusan.
    - **Risiko inflasi yang lebih rendah** boleh disebabkan oleh pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang lebih lemah daripada jangkaan yang berpotensi menjejaskan pertumbuhan dan keadaan permintaan dalam negeri. Keadaan bekalan global yang bertambah baik boleh mengurangkan tekanan kos luaran, sekali gus menyumbang kepada inflasi yang lebih rendah.